



Pelajar yang berani tampil untuk sesi bicara tuntas diberi penghargaan oleh Dr Mohd Irwan Serigar (empat dari kiri), manakala Prof Noor Azlan (kanan) turut hadir.

info

Program khas keusahawanan UKM

- **Objektif** melahirkan usahawan muda yang benar-benar berminat menubuhkan syarikat sendiri.
- **Tempoh** selama satu semester.

Dr Mohd Irwan Serigar ketika menyampaikan Syarahan Umum Keusahawanan di UKM.

Program khas lahir usahawan muda

Oleh Basir Zahrom
basir_zahrom@bh.com.my

► Bangi

Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) akan mewujudkan program khas keusahawanan yang bakal diselia oleh Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Tan Sri Dr Mohd Irwan Serigar Abdullah, mulai bulan depan.

Dr Mohd Irwan Serigar berkata, program selama

satu semester itu bertujuan melahirkan usahawan muda yang benar-benar berminat untuk menubuhkan syarikat sendiri.

Beliau berkata, pihaknya akan membawa kohort pertama pelajar terbabit menemui usahawan yang pernah gagal untuk berkongsi pengalaman mereka bangkit semula sehingga berjaya dalam perniagaan.

"Pelajar boleh menimba ilmu daripada usahawan berkenaan seperti cara terbaik menghasilkan

kertas cadangan, menjana idea baharu dan mencari modal," katanya selepas menyampaikan Syarahan Umum Keusahawanan di sini, baru-baru ini.

Proses saringan

Pada majlis syarahan bersempena dengan Hari Keusahawanan UKM itu, Dr Mohd Irwan Serigar turut menyuntik motivasi kepada kira-kira 3,000 pelajar yang hadir, termasuk memberi banyak panduan memulakan perniagaan dan petikan kata-kata semangat oleh

usahawan terkemuka dunia.

Sebagai permulaan, katanya, hanya 30 pelajar terbaik dipilih menyertai program khas itu selepas menjalani proses saringan dan mereka akan dikehendaki memasarkan idea dalam bentuk produk atau perkhidmatan kepada orang ramai.

Melalui inisiatif itu, beliau berharap UKM dapat melahirkan usahawan baharu yang berjaya dan mendapat tempat dalam masyarakat.

"Diharap peluang

ini akan dimanfaatkan sebaik-baiknya, dan terima kasih kepada UKM kerana bekerjasama menjayakan program.

Gilap bakat

"Peranan saya adalah memberikan maklumat dan bimbingan keusahawanan, selain menggilap bakat pelajar dari segi kreativiti serta inovasi untuk menjadi insan yang mampu bangkit semula untuk berjaya jika menghadapi kegagalan," katanya.

Sementara itu Naib

Canselor UKM, Prof Datuk Dr Noor Azlan Ghazali, berkata pihaknya bersyukur kerana 30 pelajar terpilih akan mendapat bimbingan secara langsung daripada Dr Mohd Irwan Serigar dan usahawan tersohor lain.

"Kursus itu akan menjadi amat inovatif kerana dikendalikan sendiri oleh Ketua Setiausaha Perbendaharaan, justeru pelajar dijangka menempuh saingan hebat untuk mendapatkan tempat dalam program berkenaan," katanya.